



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TAHUNAN
PUSPANITA MBSP BERSEMPENA DENGAN
BULAN SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA**

TARIKH / MASA / TEMPAT
08 APRIL 2021 (KHAMIS)
3.00 PETANG

**DEWAN KENANGA
MENARA MBSP
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah binti Haji Ujang
Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Merangkap
Timbalan Pengerusi PUSPANITA MBSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Barisan Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MBSP

Ahli-Ahli PUSPANITA MBSP

Rakan-Rakan media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu secara *online* dalam Majlis Pelancaran Program Tahunan PUSPANITA MBSP Bersempena Dengan Bulan Sambutan Hari Wanita Sedunia.

Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin merakam setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Pengurus PUSPANITA MBSP, Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang dan semua Ahli Jawatankuasa yang telah berjaya menganjurkan Majlis pada petang ini. Walaupun masing-masing sibuk dan mempunyai komitmen terhadap tugas sehari-hari, namun mereka masih boleh membahagikan masa untuk merancang, mengatur pelbagai program dan aktiviti untuk PUSPANITA. Syabas dan Tahniah!

Terima kasih juga atas kehadiran ahli-ahli PUSPANITA yang telah memberi komitmen dan meluangkan masa bagi sama-sama kita menjayakan majlis kita pada hari ini. Semoga komitmen dan kesungguhan yang dipamerkan oleh puan-puan hari ini, menjadi pembakar semangat

kepada barisan Ahli Jawatankuasa untuk bergiat aktif dan memacu PUSPANITA MBSP ke hadapan.

Walau bagaimanapun, dalam kita melaksanakan pelbagai program, sama-sama lah kita mendisiplinkan diri menjaga penjarakkan sosial, memakai pelitup muka dan *sanitizer*.

Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sambutan Hari Wanita Sedunia atau juga dikenali sebagai Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi meraikan peranan wanita yang menjadi perintis kepada kemajuan generasi. Wanita sama ada ibu, isteri, kakak, adik atau sebagainya perlu dihargai dengan penuh kasih sayang sebagai lambang penghormatan dan peranan mereka yang sangat penting dalam kehidupan sehari-hari. Wanita adalah penyumbang kepada kemajuan negara, pembangunan institusi kekeluargaan dan pengukuhan masyarakat penyayang.

Hari Wanita Sedunia 2021 membawa pakai tema '*Choose to Challenge Gender Inequality*'. Tema ini sangat bertepatan di mana pemimpin serta aktivis hak golongan wanita seluruh dunia masih berhadapan dengan cabaran dalam mencapai kesaksamaan gender yang merupakan asas kepada hak asasi manusia. Usaha berterusan dilakukan untuk mencapai kesaksamaan gender apabila pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh negara-negara di seluruh dunia seperti memperkenalkan enakmen undang-undang kesaksamaan gender seperti di Jepun, India dan Mongolia dan mewujudkan Kementerian Kesaksamaan Gender seperti di Korea Selatan, Namibia serta negara lain.

Secara amnya sambutan ini bertujuan untuk:

- (i) meraikan pencapaian wanita dalam bidang sosial, ekonomi, budaya dan politik;
- (ii) meningkatkan kesedaran tentang kesetaraan gender (*gender equality*);
- (iii) melobi untuk merapatkan perbezaan antara gender (*gender parity*); dan
- (iv) mengumpul dana bagi memelihara kebajikan wanita (*female focused charity*).

Malaysia tidak terkecuali, di mana kerajaan komited untuk mencapai salah satu sasaran pembangunan lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu kesaksamaan gender. Iaitu untuk mencapai kesaksamaan di antara lelaki dan wanita serta memperkasakan semua wanita. Wanita berhak ke hadapan dan tidak boleh dipinggirkan.

Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Tema Hari Wanita di Malaysia bagi tahun 2021 adalah “WANITA BANGKIT MENDEPANI CABARAN”. Tema Hari Wanita ini dipilih bagi mengangkat semangat juang wanita yang tidak mengenal penat lelah dalam mengharungi cabaran kehidupan. Antara objektif sambutan pada tahun ini adalah untuk memberi pengiktirafan khas kepada kaum wanita atas sumbangan mereka dalam pelbagai bidang, baik secara langsung mahupun tidak langsung, dalam membangunkan negara. Selain itu, sambutan ini juga merupakan tanda keprihatinan kerajaan terhadap peranan penting wanita sebagai penggerak utama kemajuan negara, pembangunan institusi keluarga, dan pengukuhan masyarakat penyayang.

Sifat kelembutan yang ada pada wanita bukanlah satu halangan untuk terus mara ke hadapan malah di sebalik kelembutan itu tersimpan kekuatan yang utuh dan semangat waja. Meskipun dunia dilanda pandemik COVID-19, kepayahan demi kepayahan mengajar kita tetap bangkit mendepani cabaran.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat konsisten dalam menterjemah dasar dan program bagi mengangkat martabat golongan wanita dengan memastikan lebih ramai wanita berdaya saing dapat dilahirkan terutama di peringkat akar umbi. Sejak tahun 2011, agenda pembangunan serta pemerkasaan golongan wanita terus menjadi agenda penting.

Lebih daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah menggunakan Dasar Keterangkuman Gender agar dasar, program dan amalan yang dilaksanakan mengambil kira serta selaras dengan perspektif gender semasa supaya keperluan golongan wanita dan juga lelaki dapat diambil tindakan sewajarnya. Masyarakat Pulau Pinang hendaklah mencabar stereotaip gender, keganasan rumah tangga, gangguan seksual dan ketidaksaksamaan gender di peringkat pembuat keputusaan.

**Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia dengan nama singkatannya PUSPANITA. PUSPANITA adalah sebuah pertubuhan yang *relevan* pada masa kini. Atas usaha-usaha yang ditunjukkan oleh PUSPANITA selama ini, justeru, saya ingin memartabatkan persatuan ini dengan mengadakan Galeri PUSPANITA pertama di MBSP dalam tahun 2021 ini. Galeri ini adalah bertujuan untuk mempamerkan segala program-program dan usaha-usaha yang dibuat oleh PUSPANITA MBSP untuk ditatapi oleh ahli-ahli dan kakitangan Majlis. Ianya akan dipahat sebagai kenangan dan tidak akan dilupakan.

**Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian**

Pemilihan tema ‘**Wanita Bangkit Mendepani Cabaran**’ pada tahun ini juga telah kita sesuaikan, dengan keadaan semasa dalam negara yang mana masih terdapat beberapa halangan yang perlu ditangani dalam usaha kita mengangkat martabat wanita dan membawa wanita ke puncak, yang

lebih tinggi. Pelbagai isu dikaitkan dengan wanita sejak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, saya yakin sejak pandemik COVID-19, ianya telah memberi cabaran baharu yang lebih mencabar buat wanita untuk terus berada di hadapan.

Saya difahamkan, sepanjang tahun 2020, sebanyak 23 aktiviti telah dijalankan sama ada yang dianjurkan oleh PUSPANITA secara total atau secara perkongsian strategik dengan lain-lain persatuan, agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Perancangan program PUSPANITA MBSP mensasarkan untuk menganjurkan 38 program secara keseluruhan bagi tahun 2021 yang mana saya difahamkan program tersebut merangkumi *capacity building*, perkongsian kemahiran, peningkatan ilmu ukhrawi dan keperluan kakitangan sebagai pekerja, wanita, ibu dan anak.

Bermula dari bulan Mac 2019, pandemik COVID-19 melanda negara, kita telah mula mempraktikkan pembudayaan norma baharu dengan menggunakan platform media sosial bagi menjalankan aktiviti PUSPANITA. Contohnya bertadarus secara *Google Meet*, mengadakan program live di *Facebook*, mewujudkan ruangan Chat Ahli di Laman Web PUSPANITA dan

sebagainya yang membolehkan ahli-ahli mendapatkan manfaat dari program yang dianjurkan oleh PUSPANITA. Saya juga mengharapkan agar program tidak hanya terhenti akibat Pandemik Covid 19 tetapi tetap diteruskan dengan membudayakan norma baharu dalam pelaksanaan program. Kita tidak mempunyai alasan dengan tidak menjalankan program disebabkan oleh pandemik ini.

Yang Berbahagia Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Semoga segala usaha murni MBSP dalam memperkasakan kaum wanita akan mendapat pengiktirafan khususnya daripada ahli puspanita MBSP. Harapan saya agar ahli PUSPANITA MBSP akan terus memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan usaha-usaha Kerajaan Negeri amnya dan PUSPANITA MBSP khususnya.

Saya amat mengharapkan agar semua kakitangan MBSP terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara serta menyokong dan menjayakan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi

(*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*) dengan terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Bukan mudah untuk meletakkan MBSP sepetimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti kita dapat lakukan yang terbaik. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada PUSPANITA, terutama kepada barisan tertinggi dan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA di atas kesungguhan dan komitmen dalam bersama-sama melaksanakan pelbagai aktiviti dan program. Saya berharap agar kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala sikap yang tidak baik dalam diri kita serta memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.